

11 NOV 2002

MT BELUM BINCANG MENGENAI PEMILIHAN PARTI - ABDULLAH

PUTRAJAYA, 11 Nov (Bernama) -- Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini berkata Majlis Tertinggi (MT) Umno masih belum membincangkan sama ada pemilihan anggota baru badan tertinggi parti itu yang sepatutnya diadakan tahun depan, ditangguhkan.

"Tak ada, kita belum bincang lagi, dalam MT pun kita tak naik lagi," kata Timbalan Perdana Menteri yang juga Timbalan Presiden Umno ketika diminta mengulas laporan akhbar hari ini yang memetik seorang pemimpin kanan Umno sebagai berkata pemilihan MT hampir pasti ditangguhkan sehingga selesai pilihan raya umum.

Laporan itu tidak menamakan pemimpin kanan berkenaan yang berkata penangguhan itu bertujuan melicinkan peralihan kepimpinan daripada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kepada timbalannya, Abdullah selepas Oktober 2003.

Dr Mahathir telah mengumumkan bahawa beliau akan bersara sebagai perdana menteri dan presiden Umno selepas mempengerusikan persidangan kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) yang dijadualkan Oktober depan dan beliau juga telah menamakan Abdullah sebagai penggantinya.

Diminta supaya mengesahkan laporan itu, Abdullah berkata: "Saya tak boleh nak cakap, buat spekulasi atas berita daripada sumber-sumber."

Abdullah yang juga Menteri Dalam Negeri sebelum itu menghadiri perhimpunan bulanan kementerian berkenaan di sini.

-- BERNAMA

NM ZS RON